5. Di keseluruhan **Polisi** ini, di mana konteksnya diakui, kata-kata yang merangkumi jantina maskulin hendaklah merangkumi jantina feminin dan sebaliknya.

1. PERJANJIAN INSURANS

Mengambil kira premium yang dibayar, kami bersetuju menyediakan insurans seperti yang dihuraikan di bawah Seksyen ini tertakluk kepada terma, syarat, pengecualian dan had polisi ini.

1.1 **PENIPUAN KEWANGAN SIBER**

Kami akan membayar pampasan kepada **anda** untuk kerugian kewangan anda yang berlaku secara langsung daripada sebuah Acara Siber, yang dikenalpasti oleh anda semasa masih dalam tempoh polisi.

1.2 **PEMERASAN SIBER**

Kami akan membayar pampasan kepada **anda**, sehingga had yang boleh dibayar, untuk **bayaran pemerasan** yang berlaku secara langsung daripada **ugutan pemerasan siber**, yang pertama kalinya dibuat terhadap **anda** dalam kapasiti peribadi **anda**, semasa dalam **tempoh polisi**.

1.3 **KOS PEMULIHAN**

Kami akan membayar pampasan kepada **anda** untuk **kos pemulihan** yang berlaku secara langsung akibat **perbuatan siber** yang dikenalpasti **anda** buat pertama kalinya semasa dalam **tempoh polisi**.

1.4 **KECURIAN IDENTITI**

Kami akan membayar pampasan kepada **anda** untuk **perbelanjaan kecurian identiti** yang berlaku secara langsung akibat **perbuatan siber**, yang dikenalpasti **anda** buat pertama kalinya semasa dalam **tempoh polisi**.

1.5 **PEMBELIAN ATAS TALIAN**

Kami akan membayar pampasan kepada **anda** bagi kerugian transaksi di mana **anda** telah ditipu oleh **pihak ketiga** melalui sumber elektronik bagi membeli barangan atau perkhidmatan yang tidak disampaikan atau disediakan dalam tempoh yang berpatutan dan dalam apa jua keadaan sekurang-kurangnya 14 hari selepas tarikh penghantaran atau peruntukan yang dipersetujui atau dijangka.

Dengan syarat bahawa, berkenaan Perjanjian Insurans yang di atas, untuk mendapat faedah perlindungan di bawah polisi ini, anda harus memberi kami pemberitahuan tertulis mengenai tuntutan tersebut sebagaimana dinyatakan dalam Syarat Khusus 4.4 (Pemberitahuan Tuntutan).

2. PENGECUALIAN

Kami tidak akan membayar atau membayar balik kepada **anda** bagi **kerugian** yang berlaku secara langsung atau tidak langsung daripada perkara berikut:

- 2.1 Kelakuan jenayah, tidak jujur, melulu, sengaja atau berniat jahat oleh **anda**.
- 2.2 Kelakuan tidak jujur oleh **pihak ketiga** yang diberikuasa oleh **anda** (sama ada kuasa itu sudah ditarik balik atau belum) untuk mempunyai akses ke rumah anda atau kata laluan atau akses kepada **sistem komputer anda, kad plastic, akaun bank atas talian** atau **dompot digital**.
- 2.3 Sebarang kerugian berdasarkan, terbit daripada atau adalah akibat kecurian fizikal atau kehilangan **kad plastik**.
- 2.4 Sebarang kerugian berdasarkan, terbit daripada atau adalah akibat **akaun bank atas talian**, atau **kad plastik** yang dikeluarkan **pengeluar kad**, yang tidak dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia (BNM).
- 2.5 Penipuan yuran pendahuluan apabila **anda** ditipu oleh **pihak ketiga** untuk membuat bayaran pendahuluan setelah berjanji akan menyediakan **anda** bayaran kemudian atau menyediakan barangan atau perkhidmatan yang mempunyai nilai lebih tinggi.
- 2.6 Muslihat keyakinan melibatkan niat berpura-pura terhadap **anda**, seperti niat romantik, pelaburan, kontrak, pinjaman dan sebagainya, dengan mendapatkan kepercayaan **anda**, dan menggunakannya untuk melakukan penipuan.
- 2.7 Sebarang kecederaan fizikal, kesakitan, penyakit, kecacatan, kejutan, penderitaan mental, atau kecederaan mental, termasuk penjagaan yang diperlukan, kehilangan perkhidmatan atau kematian pada bila-bila masa yang terhasil daripadanya.
- 2.8 Sebarang kerugian fizikal atau kerosakan kepada aset yang ketara, selain daripada **kos pemulihan**.

- 2.9 Mengambil maklum lain-lain bahagian operasi polisi ini: kandungan pornografi, kandungan haram, pertandingan berhadiah atau judi.
- 2.10 Sebarang aktiviti dijalankan **anda** untuk tujuan perniagaan atau profesional.
- 2.11 Pelanggaran hak harta intelek.
- 2.12 Peperangan, permusuhan atau aktiviti seakan peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), pencerobohan, serangan haram, keputusan kerajaan, keadaan pihak berkuasa awam.
- 2.13 Penggunaan data yang **anda** tidak dibenarkan guna.
- 2.14 Sebarang kerugian yang terjadi sebelum polisi ini digubal.
- 2.15 Jika sebarang **kerugian** di bawah polisi ini turut dilindungi oleh polisi lain, atau akan dilindungi polisi lain jika polisi ini tidak wujud, **kami** akan membayar balik bahagian **kami** daripada tuntutan walaupun syarikat insurans / pengendali takaful lagi satu itu menolak tuntutan tersebut.
- 2.16 Sebarang kegagalan atau halangan, tidak kira bagaimana terjadi, daripada perkhidmatan yang disediakan **pihak ketiga** termasuk telekomunikasi, servis internet, satelit, kabel, elektrik, gas, air atau pembekal perkhidmatan utiliti lain.
- 2.17 Nadi elektromagnetik, bahan nuclear atau pencemaran radioaktif.
- 2.18 Pemindahan atau pembayaran yang dibuat dengan jangkaan untuk dapatkan wang, bersamaan dengan wang, barang dalam permainan, barang kemas, binatang hidup, tumbuhan, barangan atau perkhidmatan yang haram atau terhad.
- 2.19 Penyitaan, rampasan, tuntutan, kemusnahan dan kerosakan disebabkan undang-undang atau perintah kerajaan, negeri, awam, sivil atau pihak berkuasa tentera.
- 2.20 Dana dalam dompet atas talian adalah dalam matawang lain daripada Ringgit Malaysia (RM).
- 2.21 Matawang dalam permainan, matawang kripto, mata ganjaran dan mata ganjaran penerbangan.
- 2.22 Sebarang **kerugian** melibatkan matawang digital yang tidak ada sebarang kawal selia, sebarang matawang maya yang tidak dikawal selia atau sebarang matawang kripto yang tidak dikawal selia. Pengecualian ini tidak terpakai untuk:
 - (a) **bayaran pemerasan** di bawah Perjanjian Insurans 1.2 (Pemerasan Siber); atau
 - (b) **kos pemulihan** di bawah Perjanjian Insurans 1.3 akibat **pencurian kripto**.
- 2.23 Insolvensi bank atau pengeluar kad.
- 2.24 Insolvensi penjual atau pembekal barangan dan perkhidmatan.
- 2.25 Sebarang **kerugian** dari segi pampasan yang anda berhak atau pampasan atau bayaran balik daripada pengeluar kad, bank atau penjual atau pembekal barangan atau perkhidmatan kecuali ia adalah permintaan anda secara tertulis dan tidak diterima dalam tempoh yang munasabah.
- 2.26 Kerugian pelaburan.
- 2.27 Sebarang pembayaran tuntutan atau peruntukan faedah di bawah polisi ini jika **kami** dihalang daripada melakukannya akibat **sekatan ekonomi** yang melarang **kami** daripada menyediakan perlindungan di bawah polisi ini.
- 2.28 Sebarang tindakan keganasan, tidak termasuk sebarang peruntukan sebaliknya atau sebarang sokongan padanya; atau sebarang tindakan yang diambil untuk mengawal, menghalang, menahan atau apa sahaja cara berkaitan sebarang tindakan keganasan.

- 2.29 Sebarang **kerugian** akibat perisian, muzik, filem atau pemasangan aplikasi mobil tidak rasmi yang tidak berlesen, haram atau cetak rompak.
- 2.30 Sebarang **kerugian** daripada sebarang pakai dan rosak yang biasa, kejatuhan prestasi atau kemerosotan beransur-ansur.
- 2.31 Sebarang **kerugian** yang berlaku akibat satu **Acara Siber** terhadap bank dan/atau mana-mana institusi kewangan.
- 2.32 Sebarang **kerugian** yang terbit daripada pembelian produk dan perkhidmatan dari media sosial seperti Facebook, Instagram, WeChat dan seumpamanya.

3. **DEFINISI AM**

Terma-terma yang ditonjolkan di dalam polisi ini, akan ditafsirkan seperti berikut:

- 3.1 **Kanak-Kanak** bermaksud kanak-kanak yang bergantung penuh di bawah umur 23 tahun belum berkahwin, tidak bekerja dan tinggal bersama di dalam negara tempat tinggal dengan **Pemegang polisi** dalam **Tempoh Polisi** Insurans yang tertera dalam Jadual.
- 3.2 **Perbuatan Siber** bermaksud:
- (a) kemasukan data yang menipu atau berniat jahat, pengubahsuaian, penghapusan, penyulitan, pengekstrakan aset digital anda, berikutan diperkenalkan **perisian perosak** atau **penggodaman** oleh **pihak ketiga**;
 - (b) sekatan ke atas akses dan kawalan ke atas system computer anda melalui penipuan atau niat jahat, berikutan diperkenalkan **perisian perosak** atau **penggodaman** oleh **pihak ketiga**; atau
 - (c) **pencurian kripto**.
- 3.3 **Acara Siber** bermaksud:
- (a) secara menipu melakukan pemindahan dana elektronik atau harta dari akaun peribadi **anda** dengan institusi kewangan melalui:
 - (i) **pihak ketiga**; atau
 - (ii) institusi kewangan bertindak dengan suci hati terhadap kemasukan **komunikasi elektronik** yang mengaku telah dihantar oleh anda tetapi sebenarnya bukan **anda**;
 - (b) **anda** bertindak dengan suci hati terhadap sebarang kemasukan permintaan **komunikasi elektronik** yang menipu dan memindahkan dana atau harta dari akaun peribadi anda dengan institusi kewangan, kepada akaun **pihak ketiga**;
 - (c) pemindahan dana secara elektronik dari **dompet digital** peribadi **anda** yang disimpan dengan **peniaga atas talian** secara menipu dan tidak dibenarkan; atau
 - (d) pembelian atas talian oleh **pihak ketiga** yang dicajkan kepada **plastik kad** anda secara menipu dan tidak dibenarkan.
- 3.4 **Ancaman pemerasan siber** bermaksud tuntutan kewangan atau harta diiringi ugutan yang boleh dipercayai oleh **pihak ketiga** untuk:
- (a) melepaskan, membocorkan, menyebarkan, melupuskan, mengubah atau menggunakan **aset digital anda**, yang diperoleh secara penipuan niat jahat atau menggunakan **sistem komputer anda**;
 - (b) memperkenalkan perisian perosak ke dalam **sistem komputer anda**;
 - (c) mempengaruhi, merosakkan dan memusnahkan **sistem komputer anda**; atau
 - (d) menyekat dan menghalang akses kepada **sistem komputer anda** atau **aset digital anda** atau setelah menyulitkan kod **aset digital anda** atau menyekat akses dan kawalan **sistem komputer anda**, menuntut wang atau harta sebagai timbal balas untuk kunci penyahsulitan atau arahannya.
- 3.5 **Pencurian kripto** bermaksud penggunaan tanpa izin sistem komputer anda oleh **pihak ketiga** untuk melombong matawang kripto.
- 3.6 **Aset digital** bermaksud perisian, program, **data elektronik** peribadi **anda**, gambar digital, muzik digital dan video digital yang disimpan dalam **sistem komputer anda**.
- 3.7 **Dompet digital** bermaksud dompet elektronik yang dikaitkan dengan akaun pengguna bersama **peniaga atas talian** dan bertujuan untuk membayar pembelian barangan dan perkhidmatan menerusi laman web **peniaga atas talian** itu.

- 3.8 **Komunikasi elektronik** bermaksud:
- (a) persuratan elektronik;
 - (b) arahan yang diberi melalui perbankan atas talian atau platform niaga institusi kewangan; atau
 - (c) arahan yang diberi melalui aplikasi mobil (App) institusi kewangan.
- 3.9 **Data elektronik** bermaksud maklumat yang disimpan atau disebarkan melalui format digital.
- 3.10 **Pembayaran pemerasan** bermaksud sebarang wang (termasuk matawang kripto atau maya) atau harta yang dibayar oleh **anda**, kepada **pihak ketiga**, yang anda percaya bertanggungjawab untuk **ancaman pemerasan siber**, dengan niat untuk menyelesaikan atau menamatkan ancaman tersebut.
- 3.11 **Kerugian kewangan** bermaksud:
- (a) kehilangan dana dari akaun peribadi **anda** atau dari **dompet digital anda** yang disimpan dengan **peniaga atas talian**;
 - (b) sebarang yuran berkaitan, denda atau faedah ditanggung **anda** yang telah dipungut oleh institusi kewangan atau **peniaga atas talian**;
 - (c) kos yang wajar dan perlu bagi menggantikan atau menyusun semula dokumen peribadi **anda** atau surat ikatan hak milik;
 - (d) caj **kad plastik** yang anda tanggung, termasuk penalty atau faedah yang dikenakan institusi kewangan;
 - (e) kos perundangan yang wajar dan perlu serta perbelanjaan yang **anda** tanggung, dengan persetujuan bertulis **kami**, dalam mengejar dan mempertahankan tindakan undang-undang, akibat **acara siber** yang dilindungi; atau
 - (f) kehilangan pendapatan yang sebenar jika tidak sudah boleh diperolehi, sama ada untuk kerja separuh atau sehari, untuk masa yang diambil dari kerja **anda** dan dari tempat kerja **anda**, hanya untuk memberi perhatian kepada perkara yang berlaku akibat **acara siber** yang dilindungi.
- 3.12 **Kediaman** bermaksud harta kediaman peribadi anda yang digunakan untuk tujuan domestik, di mana alamatnya tertera di dalam Jadual.
- 3.13 **Penggodaman** bermaksud pencerobohan tanpa izin atau berniat jahat ke dalam **sistem komputer** anda.
- 3.14 **Kecurian identiti** bermaksud kecurian atas talian atau pengubahsuaian, pemindaan atau pencemaran oleh **pihak ketiga** ke atas **maklumat peribadi anda** bertujuan melakukan penipuan menggunakan identiti anda.
- 3.15 **Perbelanjaan kecurian identity** bermaksud:
- (a) perbelanjaan wajar dan perlu (termasuk kos perundangan) yang ditanggung **anda**, dengan persetujuan bertulis **kami** terdahulu:
 - (i) memperbetulkan atau mengembalikan semula rekod awam rasmi selepas kecurian identiti terjadi;
 - (ii) mencabar ketepatan atau kelengkapan laporan kredit pengguna;
 - (iii) untuk penyediaan dan kehadiran di sebarang audit atau perbicaraan yang dijalankan oleh agensi kerajaan;
 - (iv) untuk pemecatan dan penarikan semula prosiding awam atau jenayah kerana tanggungan yang didakwa terletak pada pencuri identiti dan bukan anda; atau
 - (v) untuk menghapuskan sebarang penghakiman civil atau jenayah yang dibuat ke atas **anda**.
 - (b) kehilangan pendapatan yang sebenar jika tidak sudah boleh diperolehi, sama ada untuk kerja separuh atau sehari, untuk masa yang diambil dari kerja **anda** dan dari tempat kerja **anda**, hanya untuk memberi perhatian kepada perkara yang berlaku di perkara 3.15 (a) di atas;
 - (c) kos:
 - (i) akuan bersumpah atau dokumen untuk mengesahkan terdapat penipuan; atau
 - (ii) membuat salinan dan pos surat berdaftar untuk menghantar dokumen yang diperlukan kepada agensi penguatkuasa, biro kredit, institusi kewangan, pemiutang atau agensi pemungut hutang; atau
 - (d) kos memohon semula pinjaman, jika permohonan awal anda ditolak kerana pemberi pinjaman telah menerima maklumat kredit anda yang tidak tepat berikutan **kecurian identiti**.
- 3.16 **Kerugian** bermaksud:
- (a) **kerugian kewangan** untuk Perjanjian Insurans 1.1 (Penipuan Kewangan Siber);
 - (b) **pembayaran pemerasan siber** untuk Perjanjian Insurans 1.2 (Pemerasan Siber);
 - (c) **kos pemulihan** untuk Perjanjian Insurans 1.3 (Kos Pemulihan); atau
 - (d) **perbelanjaan kecurian identiti** untuk Perjanjian Insurans 1.4 (Kecurian Identiti).
 - (e) **perbelanjaan atas talian** untuk Perjanjian Insurans 1.5 (Perbelanjaan Atas Talian).
- Kerugian** tidak termasuk sebarang cukai, kehilangan faedah cukai, atau denda dan penalti yang dikenakan undang-undang.

- 3.17 **Perisian perosak** bermaksud perisian berniat jahat atau kod yang direka untuk menyusup masuk, mengganggu, mencemar atau merosakkan system computer atau meintas sebarang perkhidmatan atau produk rangkaian keselamatan, termasuk tapi tidak terhad kepada virus, worms, trojan horse, ransomware, adware, spyware dan skrip pencurian kripto.
- 3.18 **Peniaga atas talian** bermaksud perniagaan runcit pihak ketiga yang berdaftar dan mempunyai lesen perniagaan sah mengikut bidang kuasa sesebuah negara di mana ia berpangkalan dan menerima bayaran untuk barangan melalui gerbang pembayaran atas talian yang selamat.
- 3.19 **Akaun bank atas talian** bermaksud akaun yang dibuka dengan bank atau institusi kewangan lain yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia (BNM), di mana ia memerlukan kata laluan atau lain-lain maklumat yang dibekalkan oleh bank atau institusi kewangan, membolehkan Anda melakukan transaksi kewangan atas talian termasuk pembayaran atau pemindahan.
- 3.20 **Maklumat peribadi** bermaksud maklumat atau data berkaitan identiti peribadi **anda** yang boleh didapati, mengesahkan atau membuktikan identiti sebenar atau kedudukan baik **anda**.
- 3.21 **Kad plastik** bermaksud sebarang kad kredit, debit, caj atau kedai yang didaftarkan di bawah nama **anda**.
- 3.22 **Polisi** bermaksud dokumen insurans ini dan Jadual, termasuk sebarang sokongan.
- 3.23 **Pemegang polisi** merujuk kepada nama pemilik polisi ini seperti di dalam Jadual.
- 3.24 **Tempoh polisi** bermaksud tempoh yang dimasukkan dalam Jadual.
- 3.25 **Jadual polisi** bermaksud Jadual Polisi yang mengandungi maklumat Pemegang polisi, jumlah diinsurankan, dan Tempoh Insurans. Jadual Polisi membentuk sebahagian daripada Polisi.
- 3.26 **Kos pemulihan** bermaksud kos wajar dan perlu serta perbelanjaan yang **anda** tanggung, dengan persetujuan bertulis **kami** dahulu:
- (a) menyasat, menyusun semula dan memperbaiki sebarang kerosakan kepada **sistem komputer anda**;
 - (b) mendapatkan semula atau menggantikan **aset digital** anda; atau
 - (c) mengesan dan membuang **perisian perosak** daripada **sistem komputer anda** berikutan **perbuatan siber**. **Kami** boleh mengikut budi bicara **kami** menyelesaikan tuntutan **anda** untuk kos pemulihan di bawah **polisi** ini, dengan peruntukan baru untuk lama bersama potongan bagi pakai dan rosak jika perlu.
- 3.27 **Cukai** bermaksud sebarang cukai, levi atau duti pada masa ini atau yang akan datang, termasuk cukai penggunaan atau apa sahaja cukai yang serupa, yang dikenakan ke atas barangan dan perkhidmatan oleh kerajaan atau pihak berkuasa cukai.
- 3.28 **Pihak ketiga** bermaksud seseorang atau entiti selain **anda**, bertindak mengikut kehendak sendiri, tanpa pengetahuan, kebenaran, pertolongan atau penyertaan **anda**.
- 3.29 **Sistem komputer anda** bermaksud:
- (a) sebarang rangkaian computer, router, perkakasan computer, aset digital di dalamnya dan semua peranti input dan output yang dimiliki **anda** dan selalu digunakan **anda** untuk tujuan peribadi, dan terletak di dalam rumah **anda**; atau
 - (b) telefon bimbit, komputer riba, notebook atau tablet, yang dimiliki **anda** dan selalu digunakan **anda** untuk tujuan peribadi.
- 3.30 **Anda / Orang Yang Diinsurankan** bermaksud **Pemegang polisi** atau orang yang dinamakan di dalam Jadual sebagai **Orang Yang Diinsurankan**, pasangan dan anak-anak yang tinggal bersama **Pemegang polisi**.
- 3.31 **Kami** bermaksud Zurich General Insurance Malaysia Berhad (Company Reg. No. 201701035345 (1249516-V))

4. SYARAT KHAS

4.1 Kelayakan

Syarat layak untuk dilindungi di bawah polisi ini:

- (a) **Pemegang Polisi** yang dinamakan di dalam Jadual mestilah warganegara Malaysia, pemastautin tetap Malaysia atau orang asing dengan Pas Kerja, Pas Pelajar, Pas Dependan atau Pas Lawatan Jangka Panjang yang sah.
- (b) **Pemegang Polisi** yang dinamakan di dalam Jadual mestilah berumur sekurang-kurangnya lapan belas (18) tahun pada Tarikh Insurans. Berkuatkuasa

4.2 Bayaran Sebelum Jaminan Perlindungan

1. Adalah asas dan syarat khas kontrak insurans ini bahawa premium harus dibayar kepada **kami** sebelum tarikh permulaan perlindungan. Pembayaran akan dianggap telah dilakukan kepada **kami** atau perantara apabila salah satu tindakan berikut berlaku:
 - (a) Wang tunai atau cek untuk pembayaran premium diserahkan kepada **kami** atau perantara;
 - (b) Transaksi kad kredit atau debit untuk premium tersebut diperakui oleh bank pengeluar;
 - (c) Pembayaran melalui capaian elektronik termasuk internet yang disetujui oleh pihak yang berkenaan;
 - (d) Kredit yang memihak kepada **kami** atau perantara dibuat melalui capaian elektronik termasuk internet.
2. Sekiranya jumlah premium yang ditetapkan dibayar tidak dibayar kepada **kami** (atau perantara melalui mana Polisi ini dilaksanakan) pada atau sebelum tarikh permulaan atau tarikh pembaharuan, maka insurans tidak akan dilampirkan dan tidak ada mendapat apa jua faedah yang sepatutnya dibayar oleh **kami**. Sebarang pembayaran yang diterima selepas itu tidak akan memberi sebarang kesan kerana perlindungan telah tidak dilampirkan sama sekali.
3. Berkenaan dengan perlindungan insurans dengan penyediaan Tempoh Bertenang, **pemegang polisi** boleh mengembalikan dokumen polisi asal kepada **kami** atau perantara dalam Tempoh Bertenang tersebut jika **pemegang polisi** memutuskan untuk membatalkan perlindungan semasa tempoh tersebut berlangsung. Di dalam hal ini, **pemegang polisi** akan menerima pengembalian penuh premium yang dibayar kepada **kami** dengan syarat tidak ada tuntutan yang dibuat di bawah insurans dan perlindungan akan dianggap seolah-olah tidak pernah dilaksanakan.

4.3 Jumlah Yang Diinsurankan dan Dikurangkan

Tanggungjawab maksimum **kami** untuk setiap **kerugian** dan semua **kerugian** secara agregat di bawah **polisi** ini tidak akan melebihi jumlah yang diinsurankan yang dinyatakan dalam Jadual.

Kami hanya akan bertanggungjawab untuk bahagian dari setiap **kerugian** yang melebihi jumlah yang dinyatakan di dalam Jadual.

4.4 Pemberitahuan Tuntutan

- (a) Sebaik sahaja **anda** menyedari selama **tempoh polisi** tentang fakta atau keadaan yang mungkin akan mengakibatkan **kerugian** yang dilindungi di bawah **polisi** ini, **anda** mesti memberitahu **kami** secepat mungkin, dengan syarat tidak lebih dari tiga puluh (30) hari selepas penemuan.
- (b) Anda akan memberi kami semua maklumat, bantuan dan kerjasama yang kami minta dengan wajar dan hendaklah:
 - (i) mengambil semua langkah yang munasabah untuk mengurangkan atau mengelakkan kerugian di bawah polisi ini;
 - (ii) menyimpan sebarang sistem komputer yang rosak dan peralatan lain, dan membenarkan kami memeriksanya;
 - (iii) usaha untuk memulihkan kerugian kewangan yang berkaitan dengan tuntutan di bawah Perjanjian Insurans 1.1 (Penipuan Kewangan Siber) dan Perjanjian Insurans 1.5 (Belanja Dalam Talian) dari institusi kewangan atau peniaga dalam talian (sebagaimana berkenaan), yang mungkin bertanggungjawab untuk semua atau sebahagian dari kerugian kewangan; dan
 - (iv) tidak melakukan apa-apa yang boleh menjejaskan hak pemulihan potensi dan hak sebenar kami berhubung dengan kerugian.
- (c) Berkenaan dengan Perjanjian Insurans 1.1 (Penipuan Kewangan Siber), **anda** mesti melaporkan kepada pihak polis dan juga pengeluar **kad plastik** anda (jika ada) dan / atau institusi kewangan tempat akaun peribadi **anda** disimpan (jika ada) atau **peniaga dalam talian** yang memegang dompet digital **anda** (jika berkenaan) secepat mungkin tetapi tidak lebih daripada dua puluh empat (24) jam selepas anda mengetahui **kejadian siber** ini.
- (d) Berkenaan dengan Perjanjian Insurans 1.2 (Pemerasan Siber), **pembayaran pemerasan** tidak akan dibayar tanpa persetujuan tertulis dari kami terlebih dahulu. **Anda** juga mesti berusaha sedaya upaya untuk membuktikan kredibiliti ancaman tersebut dan memberitahu polis atau penguatkuasa undang-undang tempatan yang lain sebelum menyerahkan sebarang **pembayaran pemerasan** sebagai tindak balas

terhadap **ancaman pemerasan siber**. Sekiranya **pembayaran pemerasan** melibatkan barang yang boleh dipasarkan, **kami** akan membayar nilai tunai sebenar semasa penyerahan barang tersebut.

- (e) Berkenaan dengan Perjanjian Insurans 1.4 (Kecurian Identiti), **anda** mesti melaporkan kepada polis serta penerbit kad plastik (jika ada) dan institusi kewangan (jika ada) secepat mungkin tetapi tidak lewat daripada dua puluh empat (24) jam selepas anda mengetahui kejadian **kecurian identiti** tersebut.
- (f) Berkenaan dengan Perjanjian Insurans 1.5 (Perbelanjaan Dalam Talian), **anda** mesti melaporkan kepada polis serta pengeluar **kad plastik** (jika ada) dan institusi kewangan (jika ada) atau peniaga dalam talian yang memegang **dompert digital anda** (jika berkenaan) secepat yang dapat dilaksanakan tetapi tidak lewat daripada dua puluh empat (24) jam setelah didapati pembelian dalam talian barangan tersebut belum dihantar.

4.5 Pembelaan Undang-Undang

Adalah menjadi tanggungjawab **anda** dan bukannya tanggungjawab **kami** untuk membela sebarang prosiding undang-undang yang dikenakan terhadap **anda**. Kami berhak dan akan diberi peluang untuk berhubung dengan **anda** semasa penyiasatan dan pembelaan terhadap sebarang proses undang-undang sedang dijalankan. **Anda** tidak wajar mengakui sebarang tanggungjawab atau liabiliti atau bersetuju untuk membuat apa-apa bayaran, tanpa persetujuan bertulis dari **kami** terlebih dahulu.

4.6 Tanggungjawab Penjagaan

Anda mesti mematuhi ketetapan **polisi** ini seperti berikut:

- (a) pastikan **sistem komputer anda** digunakan dan disenggara seperti yang disyorkan oleh pengeluar atau pembekal;
- (b) mengambil langkah yang sewajarnya untuk melindungi **sistem komputer** anda, termasuk pemasangan perisian anti-perosak. Sebaiknya anda mengemas kini perisian anti-perosak anda secara berkala sesuai dengan cadangan vendor dan membuat salinan/simpanan **aset digital** anda secara berkala;
- (c) mengambil langkah yang munasabah semasa membuang dan memusnahkan **sistem komputer anda** untuk melindungi **aset digital anda**;
- (d) mengambil langkah wajar untuk melindungi **maklumat peribadi anda, kad plastik** dan perincian akaun **anda** dengan institusi kewangan dan **peniaga dalam talian**; dan
- (e) mengambil langkah yang munasabah untuk mengesahkan dan mengetahui identiti pengirim **komunikasi elektronik** kepada **anda**, semasa melakukan pemindahan dana, termasuk mengetahui permohonan pengirim untuk meminta dan menerima dana tersebut, sebelum dana tersebut dipindahkan dari akaun peribadi **anda** dengan institusi kewangan ke akaun **pihak ketiga**.

5. SYARAT-SYARAT AM (BERKENAAN DENGAN SELURUH POLISI)

5.1 Pengubahan

Kami berhak untuk meminda premium, terma dan syarat Polisi ini dan sebarang perubahan kepada Polisi ini adalah dianggap sah jika dibenarkan oleh **Kami** dan diendorskan ke atasnya. Sekiranya perubahan ini dilaksanakan, **Kami** akan memberikan notis bertulis kepada alamat terakhir **Pemilik Polisi** yang diketahui dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pengubahan syarat dan terma Polisi dengan alasan yang sah.

5.2 Penimbangtaraan

Segala percanggahan yang timbul daripada **polisi** ini hendaklah dirujuk kepada seorang Penimbangtara yang perlu dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bercanggah. Jika mereka tidak dapat bersetuju tentang siapa yang akan menjadi Penimbangtara dalam tempoh satu (1) bulan selepas mereka diperlukan secara bertulis berbuat demikian, kedua-dua pihak berhak untuk melantik seorang Penimbangtara masing-masing yang akan mendengar penjelasan bersama dengan seorang Pengadil yang dilantik oleh kedua-dua Penimbangtara. Bagaimanapun, ini tertakluk kepada syarat bahawa sebarang penolakan tanggungan oleh **Kami** terhadap sebarang tuntutan di bawah polisi ini mesti dirujuk kepada seorang Penimbangtara dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar daripada tarikh penolakan tanggungan tersebut.

5.3 Tempoh Bertenang

Pemegang polisi mempunyai empat belas (14) hari dari tarikh **anda** menerima **polisi** ini untuk meneliti terma dan syarat **polisi** dan boleh membatalkan **polisi** dalam tempoh 14-hari dengan memberi **kami** pemberitahuan bertulis di mana premium yang dibayar akan dikembalikan, jika tuntutan masih belum dibuat di bawah polisi ini. Bilamana **polisi** dibatalkan, kami tidak bertanggungjawab untuk **polisi** yang dibatalkan dan **kami** berhak mendapatkan semula perbelanjaan yang **kami** tanggung ketika menaja jamin **polisi**.

Peruntukan ini tidak boleh digunapakai mana-mana polisi dengan tempoh insurans kurang dari satu tahun dan pembaharuan.

5.4 **Pembaharuan**

Polisi ini boleh diperbaharui, dengan membayar premium sebagai pendahuluan pada kadar premium **kami** berkuatkuasa pada waktu pembaharuan.

5.5 **Pembatalan**

Polisi ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa dengan permintaan bertulis **anda** kepada **kami** dan premium akan dilaraskan dengan asas bahawa **kami** berhak menerima atau mengekalkan premium jangka pendek kebiasaan pada RM31.80 (termasuk SST), dengan syarat tidak ada tuntutan dilakukan di bawah **polisi**. Tiada bayaran balik akan diberi bilamana tuntutan telah dibuat di bawah **polisi**.

Kami juga boleh menamatkan insurans dengan menghantar **anda** notis tujuh (7) hari dengan alasan yang sah melalui surat berdaftar kepada alamat terakhir anda yang diketahui dan kami bertanggungjawab untuk membayar balik sesebuah kadar premium yang boleh dinilai bagi terma yang tidak luput dari tarikh pembatalan.

5.6 **Kerahsiaan**

Anda akan berusaha dengan wajar untuk tidak mendedahkan kewujudan **polisi** ini.

5.7 **Penipuan**

Jika **anda** membuat tuntutan dengan mengetahui ianya salah atau tipu, sama ada berkenaan dengan jumlah atau tidak, **polisi** ini akan terbatal dari permulaannya dan semua tuntutan di bawahnya akan hilang.

5.8 **Liputan Geografi**

Seluruh dunia

5.9 **Pentafsiran**

Pembentukan, pentafsiran dan maksud terma, syarat, pengecualian dan had **polisi** ini akan ditentukan berdasarkan undang-undang Malaysia dan berdasarkan teks versi Bahasa Inggeris seperti di dalam **polisi** ini.

5.10 **Bahasa**

Sekiranya terdapat percanggahan, kekaburan dan konflik dalam mentafsirkan sebarang terma atau syarat, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai dan menggantikan versi Bahasa Malaysia.

5.11 **Notis Amanah atau Penyerahan Hak**

Kami tidak akan terikat untuk menerima atau dipengaruhi oleh mana-mana notis amanah atau penyerahan hak atau lain-lain seumpamanya yang berkaitan dengan **Polisi** ini.

5.12 **Insurans Lain**

Polisi ini akan digunapakai bersama mana-mana polisi insurans lain yang masih sah dan terkumpul oleh **Orang yang Diinsuranskan**, ini termasuk mana-mana simpanan atau bahagian yang boleh dipotong daripadanya, melainkan insurans lain itu ditulis hanya sebagai lebihan insurans khusus di atas jumlah yang diinsuranskan di bawah **polisi** ini.

5.13 **Syarat Penarikan Balik Portfolio**

Kami berhak membatalkan portfolio secara keseluruhan jika ia memutuskan untuk menghentikan produk Insurans ini dengan alasan yang sah. Pembatalan portfolio secara keseluruhan hendaklah diberitahu melalui notis bertulis kepada **Anda** dalam masa tiga puluh (30) hari dan **Kami** akan menanggung semua sijil hingga ke tarikh tamat tempoh perlindungan dalam portfolio.

5.14 **Sekatan**

Kami tidak akan dianggap memberi perlindungan dan **kami** juga tidak bertanggungjawab untuk membayar tuntutan atau memberikan apa-apa faedah di bawah **polisi** ini sekiranya, pembayaran tuntutan tersebut akan mendedahkan **kami** kepada sebarang halangan, larangan atau sekatan di bawah resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, undang-undang atau peraturan perdagangan berkaitan ekonomi Malaysia, Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat, Inggeris dan / atau undang-undang atau peraturan ekonomi atau perdagangan nasional mana-mana negara.

5.15 **Subrogasi**

Sekiranya terdapat sebarang pembayaran kepada **anda** berdasarkan **polisi** ini, **kami** akan meneliti sejauh mana pembayaran tersebut kepada semua hak pemulihan **anda**, dan **anda** akan melengkapkan semua dokumen yang diperlukan dan akan melakukan segala yang diperlukan untuk mendapatkan dan mengekalkan hak tersebut.

5.16 Bidang Kuasa Undang-Undang

Polisi ini akan ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.

5.17 Percukaian

Semua premium dan yuran yang perlu dibayar di bawah **sijil** ini mungkin dikenakan Cukai. Sekiranya **cukai** dikenakan, ia akan dinyatakan dalam invois dan **Kami** berhak untuk menuntut atau memungut **cukai** dari **Anda** sebagai tambahan kepada premium dan / atau yuran yang perlu dibayar di bawah **polisi** ini.

5.18 Penilaian dan Mata Wang Asing

Semua premium, had liabiliti, sub had, potongan, retensi, kerugian dan jumlah lain di bawah **polisi** ini dinyatakan dan dibayar dalam Ringgit Malaysia. Kecuali jika dinyatakan sebaliknya, jika terdapat sebarang penghakiman dibuat, penyelesaian dinyatakan atau unsur kerugian lain berdasarkan **polisi** ini dinyatakan dalam mata wang selain Ringgit Malaysia, pembayaran di bawah **polisi** ini akan dibuat dalam Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran tunai untuk pembelian Ringgit Malaysia sepertimana yang telah ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia, pada tarikh penghakiman terakhir dicapai, jumlah penyelesaian disepakati atau unsur pembayaran kepada tuntutan kerugian lain.

PERUNTUKAN CUKAI

Semua premium dan yuran di bawah Polisi ini mungkin tertakluk kepada Cukai. Sekiranya Cukai dikenakan, ia akan dinyatakan dalam invois dan Zurich General Insurance Malaysia Berhad berhak untuk menuntut atau mengutip Cukai daripada pemilik polisi yang diinsuranskan sebagai tambahan kepada premium dan/atau yuran yang perlu dibayar di bawah Polisi ini.

Cukai ialah apa-apa bayaran semasa atau akan datang, langsung atau tidak langsung, cukai, levi atau duti termasuk cukai penggunaan atau apa-apa cukai seumpamanya, yang dikenakan kepada barangan atau perkhidmatan oleh kerajaan atau pihak berkuasa percukaian.

NOTIS DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (PDPA)

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 yang mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial, berkuat kuasa ke atas Zurich General Insurance Malaysia Berhad (“Syarikat”). Pemegang Insurans boleh membuat pertanyaan, aduan, permintaan mengakses, mengemas kini, membetulkan atau mengubah mana-mana data peribadi Pemegang Insurans, mengehaskan pemprosesan data peribadi Pemegang Insurans dan/atau untuk memilih keluar daripada penggunaan Syarikat pada bila-bila masa selepas ini dengan mengemukakan permintaan tersebut kepada Syarikat dengan menghantar e-mel ke callcentre@zurich.com.my. Permintaan untuk memilih keluar mesti menyatakan dengan jelas nama penuh, nombor dokumen pengenalan, nombor polisi, nombor telefon dan alamat orang yang membuat permintaan tersebut.

Pemprosesan data peribadi Pemegang Insurans tertakluk kepada Notis Perlindungan Data Peribadi Zurich General Insurance Malaysia Berhad, seperti yang diterbitkan di <https://www.zurich.com.my/pdpa>.

PROSEDUR UNTUK MEMBUAT ADUAN INSURANS

Kami sentiasa bersedia memberikan pengalaman perkhidmatan pelanggan yang terbaik. Jika anda mempunyai sebarang aduan atau tidak berpuas hati berkaitan dengan sebarang produk atau perkhidmatan, kami bersedia memberikan perhatian. Anda boleh menghubungi Kami di:

Zurich General Insurans Malaysia Berhad

Aras 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar,
KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 03 2109 6000

Faks: 03 2109 6888

Pusat Panggilan: 1 300 888 622

E-mel: callcentre@zurich.com.my

Alternatif Lain untuk Membuat Aduan

Jika anda tidak berpuas hati dengan keputusan akhir kami, anda boleh menulis surat kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) dengan butir-butir mengenai pertikaian dan maklumat Polisi anda. Jika keputusan OPK memihak kepada anda berbanding kami, anda hendaklah memaklumkan OPK sama ada anda

menerima atau menolak bayaran dalam tempoh (14) empat belas hari. Jika anda tidak setuju dengan bayaran tersebut, anda boleh menolak keputusan OPK. Anda bebas untuk memulakan tindakan mahkamah terhadap kami atau merujuk kes kepada Penimbangtaraan.

OPK boleh dihubungi di alamat berikut:

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK)

Tingkat 14, Blok Utama, Menara Insurans Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur
Tel: 03 2272 2811
Faks: 03 2272 1577
E-mel: enquiry@ofs.org.my
Laman web : www.ofs.org.my

Jika aduan anda berada di luar bidang OPK, anda boleh menyatakan ketidakpuasan hati anda kepada Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK) Bank Negara Malaysia di alamat berikut:

Secara Bertulis:

Pusat Perhubungan Pelanggan Bank Negara Malaysia (BNMLINK),
Peti Surat 10922, 50929 Kuala Lumpur.
Tel: 1 300 88 5465 (1-300-88-LINK)
(Luar Negara: +603 2174 1717)
Faks: 03 2174 1515
E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

Secara Bersemuka:

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.

PENTING

Anda hendaklah membaca Polisi ini dengan teliti, dan sekiranya terdapat kesilapan atau salah keterangan ditemui di dalam ini, atau sekiranya perlindungan tidak mengikut kehendak **Anda**, sila maklumkan kepada **Kami** dengan sertamerta dan Polisi dipulangkan untuk perhatian **Kami**.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk ini dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM yang boleh didapati di laman web kami www.zurich.com.my atau di laman web PIDM www.pidm.gov.my.

Zurich General Insurance Malaysia Berhad

No. Pendaftaran Syarikat 201701035345 (1249516-V)
Level 23A, Mercu 3, No. 3, No.3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888 Pusat Panggilan: 1-300-888-622
www.zurich.com.my